



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN**

**TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM**

**NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**MEWAKILI**

**YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**MENTERI KPDNHEP**

**DI**

**MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM LATIHAN PERSON WITH DISABILITIES  
- ABLE FOR DISABLE**

**PADA**

**15 JANUARI 2019**

**TEMPAT**

**AEON MALL AU2 SETIAWANGSA**

***Terima kasih Pengacara Majlis,***

***Salam Sejahtera,***

**Salutasi**

- 1.** Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan Salam daripada Yang Berhormat Menteri Dato' Saifuddin Nasution Ismail. Beliau tidak dapat hadir bersama-sama kita pada hari ini kerana kekangan tugas dan tanggungjawab lain yang tidak dapat dielakkan. Justeru, saya telah diamanatkan untuk mewakili beliau bagi merasmikan majlis pada hari ini. Ribuan terima kasih

juga diucapkan kepada semua pihak yang hadir pada hari ini.

2. Berdirinya saya di sini suka saya ingin menyatakan bahawa KPDNHEP akan sentiasa menyokong program - program yang memberikan manfaat kepada masyarakat terutamanya program yang dapat membantu golongan mereka yang Kurang Upaya (OKU). Saya telah difahamkan bahawa pihak AEON juga terlibat dalam membantu meningkatkan **taraf pendidikan** golongan OKU menerusi **dana yang disediakan** **“OKU Talent Enhancement**

**Program” yang dibangunkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF).**

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

- 3.** Kerajaan telah merangka pelbagai mekanisma untuk membantu meningkatkan kekuatan pekerja mahupun dari segi pembangunan kemahiran, pengetahuan dan kebolehan dalam meningkatkan produktiviti di sesebuah syarikat.
- 4.** Golongan OKU juga tidak terkecuali di dalam rangka latihan ini.

**Seksyen 28(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008** telah memperuntukkan bahawa Orang Kurang Upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat.

**5.** Justeru itu, inisiatif yang diambil oleh AEON di dalam memperkasakan pendidikan golongan OKU ini amatlah dialukan dan saya berharap lebih banyak syarikat terutamanya dikalangan pasaraya-pasaraya turut mengambil bahagian dalam usaha pembangunan golongan OKU. Saya percaya langkah ini pasti akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

**6.** Aktiviti ekonomi Malaysia boleh dibahagikan kepada Lima (5) sektor iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian, dan pertanian. Berpandukan kepada 5 kategori ini, golongan OKU boleh ditempatkan di bawah sektor perkhidmatan di mana sektor ini dilihat lebih sesuai untuk diceburi kerana kurang memerlukan tenaga yang berat atau tugas yang kompleks. Selain itu, sektor perkhidmatan juga merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK kerana sektor ini telah menyumbangkan

sebanyak 55.3% kepada KDNK pada suku tahun kedua 2018. Pada masa yang sama, momentum pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan didorong oleh aktiviti perdagangan borong dan runcit kesan daripada pertumbuhan perbelanjaan isi rumah. Oleh demikian, saya menyeru agar pasaraya lain juga menyahut seruan Kerajaan ini demi masa depan yang lebih baik.

7. Berpandukan kepada statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2017, jumlah tenaga buruh (work labour) adalah

14.9 Juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak lebih kurang 2.5 Juta ataupun lebih kurang 17.2 peratus daripada jumlah tenaga buruh disumbang oleh industri wholesale and retail. Ini menunjukkan industri borong dan runcit memainkan peranan yang penting dan juga tunjang kepada sektor tenaga buruh di Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan yang agak tinggi.

- 8.** Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak AEON atas komitmen

dalam menjayakan inisiatif Kerajaan. Semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang. Bahkan kata hancur badan dikandung tanah, budi baik terkenang jua.

9. Oleh dengan itu, saya dengan ini merasmikan **Majlis Pelancaran Program Latihan “Person with Disabilities - Able for Disable”**.

Sekian, terima kasih.